



## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 21/2021

### PENGOPERASIAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 DIPERKETATKAN BERMULA 25 MEI 2021

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai Pengoperasian Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 Diperketatkan bermula 25 Mei 2021 selaras dengan pengumuman oleh Menteri Kanan Pertahanan pada 22 Mei 2021.
2. Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka di semua Universiti Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta di bawah kawal selia Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) termasuk Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah **TIDAK DIBENARKAN** sepanjang tempoh PKP kecuali kepada pelajar yang berkeperluan tertakluk kepada pematuhan prosedur operasi standard (SOP) dan pengesahan KPT atau pihak Universiti sehingga suatu tarikh yang akan dimaklumkan oleh Kerajaan.
3. Pengoperasian UMK sepanjang tempoh PKP adalah secara penggiliran kerja dan Bekerja Dari Rumah (WFH) merujuk arahan Ketua Setiausaha Negara pada 22 Mei 2021 seperti berikut:
  - i. **Kehadiran ke pejabat pada tahap 20% keseluruhan (tidak termasuk perkhidmatan frontliners) dan 80% secara WFH dengan penggiliran;**
  - ii. **Kehadiran ke pejabat hanya bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara WFH dan memerlukan keberadaan di pejabat;**
  - iii. **Mesyuarat dan perbincangan dilaksanakan secara dalam talian melalui medium yang selamat dan terjamin kerahsiaan;**
  - iv. **Perkhidmatan kaunter hanya dibuka kepada perkhidmatan yang tidak ditawarkan secara atas talian dan melalui temujanji sahaja; dan**
  - v. **Tidak boleh melaksanakan urusan peribadi dalam waktu bekerja.**

4. Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu merancang dan menyusun kehadiran staf di bawah seliaan masing-masing dengan ketetapan keberadaan staf di pejabat pada kadar maksimum 20% pada satu-satu masa. Walau bagaimanapun, staf yang diperlukan hadir bekerja atau yang dikategorikan di bawah perkhidmatan perlu (*essential services*) hendaklah **HADIR** bertugas secara fizikal. Bagi pelaksanaan WFH, warga UMK boleh merujuk kepada Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (Pekeliling Pentadbiran Bil. 16/2020 bertarikh 26 Mac 2020 dan panduan yang dikemaskini 12 Januari 2021) yang boleh didapati melalui Portal *eCommunity* (*Files Library* >> Skim/ Garis Panduan).
5. Ketua PTj hendaklah **HADIR** bekerja secara fizikal di pejabat dan memastikan perkhidmatan asas PTj tidak terjejas dan berterusan sepanjang tempoh PKP. Pengecualian hadir ke pejabat hendaklah mendapat **KELULUSAN** daripada Naib Canselor.
6. Pelaksanaan mesyuarat secara bersemuka adalah **DIBENARKAN** berdasarkan keperluan dengan mengambil kira 50% kapasiti bilik mesyuarat **TANPA** melibatkan kehadiran wakil agensi luar. Ahli mesyuarat adalah dari premis, pejabat atau bangunan yang sama dan tidak melibatkan rentas daerah atau negeri. Mesyuarat adalah digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video.
7. Semua program dan majlis (termasuk majlis sosial) rasmi atau tidak rasmi Universiti yang melibatkan perhimpunan dan aktiviti berkumpul adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Selain itu, seminar, bengkel, kursus, latihan, persidangan, ceramah, pameran dan aktiviti berkaitan dengan *Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE) secara bersemuka turut **TIDAK DIBENARKAN**. Seminar, bengkel, kursus, latihan dan ceramah perlulah dilaksanakan secara dalam talian.
8. Semua warga UMK dikehendaki mematuhi arahan dan prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Universiti dan Kerajaan serta sentiasa mengamalkan norma baharu. Warga UMK juga perlu sentiasa mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa berkaitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Kesihatan Universiti. Sebarang pelanggaran salah laku dalam pematuhan Bekerja Dari Rumah (WFH) akan dikenakan **TINDAKAN TATATERTIB** di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa yang mana bersesuaian.
9. Pengurusan UMK juga menyeru semua agar mendoakan keselamatan, perlindungan dan kesihatan warga UMK dalam menghadapi wabak COVID-19 ini.
10. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **25 Mei sehingga 7 Jun 2021** atau **sehingga tamat PKP** tertakluk kepada arahan Kerajaan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"  
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



MAZULA BINTI SABUDIN  
Pendaftar

23 MEI 2021

- s.k. - YBhg. Dato' Naib Canselor  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab